

Cukai Keuntungan Modal

Apakah yang dimaksudkan dengan Cukai Keuntungan Modal (CKM) dan siapakah yang tertakluk di bawah pengenaan cukai ini?

Cukai Keuntungan Modal atau singkatannya CKM ialah cukai yang dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal. Pengenalan cukai ini di Malaysia seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 telah mengubah landskap percukaian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang sebelum ini dikenakan atas cukai pendapatan sahaja. Dalam usaha untuk membesarkan asas cukai dan memperkasakan sistem percukaian sedia ada, Malaysia telah menyertai negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Eropah, iaitu Denmark, Norway, Finland dan Perancis dengan melaksanakan CKM yang dimulakan pada 1 Mac 2024. Di Asia Tenggara pula, antara negara yang turut melaksanakan CKM termasuklah Filipina, Thailand, Indonesia dan Vietnam.



Dengan pengenalan CKM, keuntungan daripada pelupusan saham syarikat harta tanah oleh **syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi termasuk entiti Labuan (pelupus)** yang tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah ACP tidak lagi tertakluk kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT). Buat masa ini, CKM dikenakan atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada:

- saham tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau
- saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 15C ACP.

Skop pengenaan CKM pada masa ini adalah atas “saham” bersifat ekuiti seperti saham biasa, saham keutamaan, saham keutamaan boleh tebus, bon boleh tukar atau pinjaman jangka panjang yang lebih bersifat ekuiti. Antara ciri-ciri saham bersifat ekuiti adalah:

- hak menerima dividen tidak tetap;
- kepentingan pemegang saham ke atas baki aset adalah setelah tuntutan lain diselesaikan dalam suatu pembubaran;
- tiada tarikh matang; dan
- mempunyai hak mengundi.

CKM dikenakan kepada pelupus dalam tahun taksiran transaksi pelupusan tersebut berlaku. Tahun taksiran adalah tempoh asas bagi tahun taksiran pelupus tersebut. Kadar cukai CKM terbahagi kepada dua tempoh, iaitu:

- saham diperoleh sebelum 1 Januari 2024: Dua peratus atas balasan pelupusan atau 10 peratus atas pendapatan larasan; dan
- saham diperoleh mulai 1 Januari 2024: 10 peratus atas pendapatan larasan.

Berapa lamakah tempoh pengemukaan Borang Nyata CKM (BNCKM) selepas pelupusan aset modal berlaku? Apakah tindakan yang harus diambil sekiranya terdapat lebih daripada satu pelupus dalam satu pelupusan?

Pengemukaan Borang Nyata CKM (BNCKM) perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan secara e-Filing. Setiap pelupusan aset modal hendaklah dilaporkan secara berasingan dan dianggap sebagai punca keuntungan pelupusan aset modal yang berasingan antara satu sama lain. Pelupusan aset modal juga dilaporkan secara berasingan oleh setiap pelupus jika terdapat lebih daripada satu pelupus dalam satu pelupusan.

Apakah faktor yang mempengaruhi pengiraan CKM?

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam pengiraan CKM, iaitu:


- Tarikh Pelupusan dan Pemerolehan Aset Modal**
Tarikh pelupusan aset modal dianggap berlaku pada:
 - tarikh perjanjian, jika terdapat perjanjian bertulis; atau
 - tarikh penyelesaian pelupusan jika tiada perjanjian bertulis.Tarikh penyelesaian pelupusan (**pemerolehan**) adalah
 - pada tarikh aset modal dipindah milik oleh pelupus; atau
 - pada tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus; atau
 - yang mana lebih awal.Dalam satu transaksi pelupusan dan pemerolehan aset modal, tarikh pemerolehan aset modal oleh pemeroleh dianggap berlaku pada tarikh yang sama dengan tarikh pelupusan aset modal itu oleh pelupus;
- harga Pelupusan dan Pemerolehan Aset Modal**
Harga pelupusan ialah amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pelupusan aset modal setelah ditolak dengan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan pelupusan. Nilai balasan bagi pelupusan dan pemerolehan bersamaan dengan nilai pasaran, iaitu harga yang munasabah atau wajar untuk suatu transaksi pelupusan; dan
- pengiraan Pendapatan Atau Kerugian Larasan**
Sekiranya harga pelupusan aset modal melebihi harga pemerolehan, terdapat pendapatan larasan yang boleh dikenakan cukai. Manakala, jika harga pelupusan aset modal kurang daripada harga pemerolehan, terdapat kerugian larasan yang boleh dibenarkan.

Maklumat lanjut dan garis panduan berhubung Cukai Keuntungan Modal serta aspek percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL melalui www.hasil.gov.my.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Kuiz: Cukai Keuntungan Modal



Melintang

- _____ merupakan cukai yang dikenakan ke atas pembayar cukai yang menerima laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal.
- Pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal di Malaysia pada _____ adalah bertujuan untuk membesarkan asas cukai dan memperkasakan sistem percukaian semasa negara.
- _____ ialah amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang bagi pelupusan aset modal setelah ditolak dengan perbelanjaan berkaitan pelupusan.
- Pelupus perlu menghantar _____ Cukai Keuntungan Modal dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan secara e-filing.
- Bagi situasi di mana harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan, terdapat _____ yang boleh dibenarkan.

Menegak

- Saham bersifat _____ sekiranya pemegang saham menerima dividen yang tidak tetap dan mempunyai hak mengundi.
- Saham yang diperolehi sebelum 1 Januari 2024, kadar cukai adalah sebanyak 2 peratus atas _____ atau 10 peratus daripada pendapatan larasan.
- _____ dianggap berlaku semasa aset modal dipindah milik atau sewaktu kesemua amaun atau nilai balasan telah diterima oleh pelupus.
- _____ adalah suatu harga yang munasabah atau wajar untuk suatu transaksi pelupusan.
- Sekiranya harga pelupusan aset modal melebihi harga pemerolehan, terdapat _____ yang boleh dikenakan cukai.

PERATURAN

- Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Ogos 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

